

MEMPERTIMBANGKAN PILIHAN



Menjelang tarikh akhir tawaran penswastaan Genting terhadap Genting Malaysia,
pemegang saham minoriti berdepan dilema.

> **Tinjauan Mingguan AGM/EGM MSWG**
Muka 5

> **Pengumuman Khas**
Muka 15

TAKUT YANG DIKEJAR TAK DAPAT, YANG DIKENDONG BERCICIRAN

Bagi komuniti pemegang saham minoriti, keputusan Genting Berhad untuk menjadikan Genting Malaysia Berhad (GenM) sebuah syarikatendirian berhad menjadi peringatan bahawa kesabaran tidak semestinya membuahkan hasil, terutamanya apabila pemegang saham utama memilih untuk mengambil alih “anak emas” itu mengikut syarat mereka sendiri.

Di atas kertas, harga tawaran sebanyak RM2.35 sesaham membolehkan sebahagian daripada pelabur mendapat pulangan yang sederhana serta mengelak potensi turun naik pasaran pada masa hadapan. Namun, jika mereka menolak tawaran itu, mungkin ada harapan berlaku lonjakan nilai yang besar, khususnya jika GenM berjaya memperoleh lesen kasino penuh di pusat bandar New York. Tetapi pilihan ini juga menjadikan pemegang saham minoriti terdedah kepada ketidakpastian yang berpanjangan.

Selama bertahun-tahun, harga saham Genting dan GenM tidak menunjukkan prestasi yang memberangsangkan. Pada 13 Oktober, Genting menggemparkan pasaran dengan cadangan penswastaan GenM yang bernilai RM6.7 bilion atau RM2.35 sesaham. Urus niaga ini dilaksanakan pada premium hanya 10% berbanding dengan harga dagangan terakhir sebelum Notis tawaran ini dikeluarkan.

Tawaran ini tertakluk pada Genting memperoleh persetujuan yang mencukupi bagi meningkatkan pegangan sahamnya melebihi 50% daripada saham berhak undi Genting dalam GenM. Semasa urus niaga itu diumumkan, Genting mempunyai pegangan sebanyak 49.36% dalam GenM.

Jika urus niaga ini berjaya, langkah penswastaan bernilai RM6.7 bilion ini menandakan keluarnya sebuah syarikat yang telah tersenarai hampir empat dekad di Bursa Malaysia. Ia juga merupakan penswastaan terbesar sejak pengambilalihan Malaysia Airports Holdings Berhad bernilai RM12 bilion pada awal tahun ini.

Dahulunya dikenali sebagai Resorts World Bhd, GenM menggunakan namanya sekarang pada tahun 2009, kira-kira 20 tahun selepas sahamnya mula didagangkan di Pasaran Utama Bursa Malaysia pada 22 Disember 1989. Genting pula sudah tersenarai sejak 28 Disember 1971.

Masa Tawaran yang Mencetuskan Tanda Tanya

Masa ketika tawaran itu dibuat menimbulkan tanda tanya. Ia berlaku hampir serentak dengan usaha GenM untuk mendapatkan lesen kasino penuh di Queens, New York, yang mana keputusannya dijangka diperoleh seawal 1 Disember.

GenM mencadangkan pembangunan resort bernilai USD5.5 bilion di sebelah litar lumba Aqueduct di Queens, yang menawarkan USD600 juta untuk lesen tersebut dan cukai sebanyak 56% untuk mesin slot dan 30% untuk permainan meja.

GenM, yang suatu ketika dahulu menjadi kaunter kegemaran pasaran, masih belum pulih ke tahap pra-COVID, sebahagiannya disebabkan oleh urus niaga pihak berkaitan yang melibatkan pewarisan. Hal itu akhirnya menyebabkan syarikat mengambil alih Empire Resorts LLC, sebuah entiti yang mengalami kerugian, daripada keluarga Lim (pengasas Kumpulan Genting).

Seakan menambah kekusutan kepada kemelut ini, kedua-dua Genting dan GenM turut disingkirkan daripada indeks penanda aras FBM KLCI pada 6 Disember 2024.

Dalam senario ini, para penganalisis tidak terkejut apabila tawaran Genting ini disambut secara skeptikal. Dengan potensi pulangan yang lebih tinggi serta *free-float* yang besar, ramai menjangkakan pemegang saham akan membantah dan menganggap bahawa RM2.35 sesaham ini terlalu rendah.

Sebaliknya, pengkritik berpendapat bahawa rancangan besar GenM di New York mungkin tidak seindah yang digambarkan, terutamanya selepas pemain utama seperti Wynn Resorts dan MGM Resorts menarik diri daripada pembidaan.

Bagaimanapun, langkah penswastan ini berjaya merangsang harga saham GenM yang sebelum ini mendatar. Harga sahamnya kini stabil pada kira-kira RM2.36, membolehkan syarikat mencatatkan kenaikan sebanyak 7.2% setakat tahun ini.

Dalam kemas kini selepas keputusan kewangan setakat 29 Ogos 2025, kebanyakan firma penyelidikan masih berhati-hati. Terdapat 11 saranan 'pegang', empat 'jual' dan hanya tiga 'beli' untuk saham tersebut.

Dalam perkembangan yang sama, harga sasaran konsensus Bloomberg ialah RM2.06, menunjukkan kemungkinan terdapat penurunan kira-kira 12.34% dalam tempoh 12 bulan akan datang berbanding dengan harga saham semasa (21 November) iaitu RM2.35.

Tidak Adil dan Tidak Munasabah

Pada 13 November, Kenanga Investment Bank Bhd sebagai penasihat bebas untuk urus niaga ini, mengesyorkan pemegang saham supaya menolak tawaran RM2.35 sesaham oleh Genting untuk penswastan GenM.

Kenanga IB membuat kesimpulan bahawa tawaran tersebut "tidak adil" kerana ia lebih rendah daripada penilaian yang dibuat secara *sum-of-parts* ke atas GenM. Harga tawaran itu mewakili diskaun antara 32.47% hingga 37.67% berbanding dengan nilai anggaran GenM iaitu RM3.48 hingga RM3.77 sesaham. Ia juga 3.69% dan 19.52% lebih rendah daripada harga pasaran tertinggi dalam tempoh setahun dan dua tahun untuk syarikat itu.

Penasihat bebas turut berpendapat bahawa saham GenM agak mudah dicairkan, dengan purata dagangan bulanan sebanyak 219.21 juta unit dalam tempoh dua tahun,

bersamaan dengan 8.08% *free-float*, yang lebih tinggi daripada purata FBM KLCI sebanyak 7.10%.

Secara keseluruhan, Kenanga IB berpendapat bahawa tawaran Genting “tidak munasabah” kerana pelabur masih boleh menjual saham di pasaran terbuka sekiranya Genting gagal mencapai 90% persetujuan untuk menyah senarai GenM. Harga tawaran ini juga tidak mengambil kira prospek GenM yang berkaitan dengan lesen kasino di New York serta proses penstrukturan semula Empire Resorts.

Pandangan ini turut disokong oleh para pengarah GenM yang tidak berkepentingan, yang turut mengesyorkan supaya pemegang saham menolak tawaran tersebut.

Terima atau Tolak?

Tawaran tersebut menjadi tidak bersyarat pada 3 November selepas pegangan kumulatif Genting dan pihak yang bertindak bersama-samanya, melepasi ambang 50%.

Setakat 18 November, Genting telah memiliki sejumlah 3.44 bilion atau 60.61% saham GenM.

Tempoh tawaran itu telah dilanjutkan sehingga 1 Disember, tetapi pemegang saham minoriti kian tersepit. Pemegang saham utama mempunyai masa, sumber dan pelbagai pilihan. Pemegang saham minoriti pula hanya tinggal satu soalan: terima sekarang atau bertahan dan berharap?

Di satu pihak, pemegang saham minoriti GenM mungkin berasa lega apabila mengetahui bahawa nilai sebenar saham mereka jauh lebih tinggi daripada harga tawaran, sekali gus mengesahkan tanggapan bahawa kaunter itu sememangnya mempunyai potensi untuk menjana keuntungan. Hal ini mengukuhkan lagi alasan untuk menunggu tawaran yang lebih baik.

Sebaliknya, ramai pemegang saham lama telah melalui fasa penilaian saham yang rendah selama bertahun-tahun, langkah korporat yang mengundang kontroversi serta pelbagai peluang untuk menjana nilai yang akhirnya tidak dimanfaatkan. Kini, ketika GenM hampir mencatatkan sejarah penting di Amerika Syarikat, muncul pula tawaran penswastaan. Menerima tawaran ini bermakna melupuskan saham pada harga yang jauh lebih rendah daripada nilai intrinsik syarikat tetapi keputusan ini menjanjikan ketenangan tanpa perlu memikirkan risiko ketidakpastian pada masa hadapan.

Pada akhirnya, setiap pelabur perlu menilai sejauh mana mereka sanggup menanggung risiko dan membuat keputusan sama ada mahu terus mengejar (keuntungan) atau menjaga yang dikendong supaya tidak berciciran.

[TAMAT]

TINJAUAN MINGGUAN AGM/EGM MSWG

Berikut adalah AGM/ EGM untuk syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman sesawang MSWG di www.mswg.org.my

TINJAUAN RINGKAS

Syarikat	Perkara/ Isu Untuk Diajukan
Salutica Berhad (AGM)	Salutica mencatatkan pendapatan sebanyak RM20.3 juta pada tahun kewangan berakhir 2025, berbanding dengan RM21.3 juta pada tahun sebelumnya. Walaupun permintaan untuk produk elektronik pengguna sedia ada masih perlahan dan pembangunan produk baharu mengalami kelewatan, pendapatan syarikat disokong oleh permulaan penghantaran pelayan untuk pusat pemprosesan data. (Sumber: Halaman 17, Laporan Tahunan 2025) a) Berapakah sumbangan pendapatan dan keuntungan selepas cukai daripada segmen elektronik pengguna pada tahun kewangan berakhir 2025? Adakah Kumpulan menjangkakan segmen ini akan kekal perlahan pada tahun kewangan akan datang? b) Pembangunan produk manakah yang lewat disiapkan dan apakah punca utama kelewatan tersebut? Selain itu, apakah anggaran kekurangan pendapatan atau keuntungan yang berpunca daripada kelewatan pembangunan produk ini pada tahun kewangan berakhir 2025? c) Kumpulan menyatakan bahawa satu pencapaian penting dalam tahun kewangan berakhir 2025 ialah bermulanya penghantaran pelayan untuk pusat pemprosesan data. i. Berapakah jumlah pelayan yang telah dihantar setakat ini dan apakah anggaran jumlah pesanan untuk tahun kewangan berakhir 2026? ii. Adakah penghantaran ini dibuat untuk projek pelanggan yang tidak berulang atau adakah Kumpulan menjangka akan menerima pesanan berulang daripada pelanggan yang sama atau pengendali pusat data lain?

Syarikat	Perkara/ Isu Untuk Diajukan
	iii. Apakah harga jualan purata dan profil margin untuk pelayan pusat pemprosesan data ini berbanding dengan produk elektronik pengguna tradisional Kumpulan? iv. Berapakah jumlah pelaburan yang diperlukan untuk barisan baharu pelayan pusat pemprosesan data ini dan apakah tempoh pulangan modal atau kadar pulangan dalaman (IRR) yang dijangka?
Titijaya Land Berhad (AGM)	Susulan kejadian di tapak pembinaan pada tahun 2025, Kumpulan telah meningkatkan kawalan keselamatan dan sistem pengurusan kontraktor bagi semua tapak projek. (Sumber: Halaman 19, Laporan Tahunan 2025) a) Sila jelaskan secara terperinci langkah keselamatan tempat kerja dan kawal selia kontraktor yang diperkenalkan susulan insiden di tapak pembinaan pada tahun 2025 seperti yang dinyatakan dalam laporan? b) Adakah Kumpulan dikenakan apa-apa penalti oleh pihak berkuasa susulan insiden tersebut? Jika ada, berapakah jumlah denda yang dikenakan?
Sersol Berhad (AGM)	Kumpulan merekodkan aliran tunai operasi negatif sebanyak RM7.55 juta dalam tahun kewangan 2025 dengan baki tunai hanya RM0.76 juta. Pinjaman belum diterima sebanyak RM0.10 juta perlu dibayar dalam tempoh setahun, manakala RM8.95 juta lagi perlu dibayar dalam tempoh dua hingga lima tahun. Seandainya berlaku kelewatan pembayaran atau kegagalan untuk membayar balik, apakah pelan luar jangka atau mekanisme pemulihan yang disediakan bagi melindungi nilai pemegang saham serta memastikan kesinambungan perniagaan dalam tempoh 12 bulan akan datang?
Malton Berhad (AGM)	Kumpulan mempunyai jualan yang belum dibilkan berjumlah RM422 juta setakat 30 Jun 2025. Pertumbuhan dijangka disokong oleh rangkaian pelancaran baharu dengan nilai pembangunan kasar (GDV) berjumlah RM1.25 bilion. (Halaman 22, Laporan Tahunan 2025) a) Berapakah bahagian daripada jualan yang belum dibilkan ini yang dijangka diiktiraf dalam tahun kewangan 2026? b) Bilakah Kumpulan merancang untuk melancarkan projek-projek dengan GDV bernilai RM1.25 bilion itu? c) Apakah sasaran jualan Kumpulan untuk tahun kewangan 2026?

Syarikat	Perkara/ Isu Untuk Diajukan
Menang Corporation (M) Berhad (AGM)	Walaupun perniagaan Konsesi merupakan penyumbang utama pendapatan dan keuntungan kepada Kumpulan, kemajuan segmen pembangunan hartanah kelihatan perlahan apabila hanya dua projek dinyatakan (Menang Perdana dan Menang Park @ Seremban 3) (Halaman 16, Laporan Tahunan 2025). - Selain dua projek yang dinyatakan di atas, apakah pelan induk terperinci dan mengikut fasa untuk membangunkan baki tanah yang seluas 758.9 ekar ini? - Apakah potensi pembangunan bank tanah Menang berdasarkan lokasi geografinya? - Menurut Syarikat, adakah terdapat keperluan mendesak untuk mempercepatkan pembangunan aset tanah bagi menjana nilai kepada pemegang sahamnya?
Oversea Enterprise Berhad (AGM)	Segmen makanan dan minuman (F&B) mencatatkan kerugian sebelum cukai yang lebih rendah pada tahun kewangan 2025, berjumlah RM375,000 berbanding dengan RM1.7 juta pada tahun kewangan 2024. Prestasi ini disokong oleh peningkatan pendapatan sebanyak 39% selepas pembukaan cawangan baharu. Segmen pembuatan pula merekodkan keuntungan sebelum cukai yang jauh lebih tinggi sebanyak RM5.9 juta (tahun kewangan 2024: RM757,000) walaupun pendapatan meningkat 3%. (Halaman 11, Laporan Tahunan 2025) - Berapakah cawangan baharu yang dibuka pada tahun kewangan 2025? Bolehkah Kumpulan menghuraikan prestasi setiap cawangan baharu ini? - Bilakah Kumpulan menjangkakan segmen F&B akan beralih kepada keuntungan? - Apakah faktor utama yang mendorong lonjakan keuntungan sebelum cukai dalam segmen pembuatan? Adakah tahap keuntungan ini dapat dikekalkan?
Kotra Industries Bhd (AGM)	Bahagian antarabangsa Kumpulan mencatatkan pendapatan sebanyak RM75.2 juta pada tahun kewangan 2025, meningkat sedikit berbanding RM74.7 juta pada tahun sebelumnya. Pertumbuhan agak sederhana walaupun terdapat trend global ke arah sumber tempatan dan sara diri. Bolehkah Kumpulan kongsi pecahan pendapatan antarabangsa mengikut rantau, misalnya dari rantau ASEAN dan Timur Tengah? Rantau manakah yang dijangka

Syarikat	Perkara/ Isu Untuk Diajukan
	berkembang paling pesat dalam tempoh beberapa tahun akan datang? b) Adakah jenama produk yang digunakan dalam pasaran domestik sama dengan jenama yang digunakan dalam pasaran antarabangsa? c) Bagaimanakah trend penyumberan tempatan yang diamalkan di negara luar memberi kesan kepada pasaran eksport Kotra? Apakah langkah penyesuaian yang sedang diambil oleh Kumpulan?
Harbour-Link Group Berhad (AGM)	Kumpulan memiliki 10 kapal kontena dan 4 set kapal tunda dan tongkang, dengan kapasiti keseluruhan 8,432 unit bersamaan dua puluh kaki (<i>Twenty-foot Equivalent Units</i>, TEU). Pada tahun kewangan 2025, Kumpulan melupuskan sebuah kapal kontena berkapasiti 653 TEU (Halaman 13, Laporan Tahunan 2025). a) Apakah kadar penggunaan purata untuk kapal kontena dalam tahun kewangan 2025 berbanding dengan tahun kewangan 2024? b) Berapakah purata umur kapal-kapal kontena Kumpulan? c) Apakah perancangan pembelian atau pelupusan aset kapal Kumpulan untuk tahun kewangan 2026?
Scanwolf Corporation Berhad (AGM)	Walaupun pendapatan meningkat kepada RM91.14 juta pada tahun kewangan 2025 (tahun kewangan 2024: RM32.8 juta), kerugian bersih Scanwolf meningkat kepada RM11.18 juta daripada RM6.5 juta sebelum ini, terutamanya disebabkan oleh rosot nilai hartanah, loji dan peralatan sebanyak RM4.9 juta dalam segmen Pembuatan Lantai. Tahun ini juga tiada keuntungan pembalikan daripada pembatalan opsyen saham sebanyak RM7.6 juta dan pelepasan hutang sebanyak RM1.93 juta yang direkodkan sebelum ini. Segmen Pembuatan kekal rugi dengan kerugian sebelum cukai sebanyak RM13.93 juta berbanding dengan kerugian sebanyak RM4.65 juta pada tahun kewangan 2024, walaupun pelbagai usaha pemulihan telah dijalankan. a) Apakah tindakan lanjut yang akan diambil oleh pihak pengurusan untuk menghentikan kerugian dalam segmen ini? Adakah Kumpulan mempertimbangkan untuk keluar daripada perniagaan Pembuatan dan memberikan tumpuan sepenuhnya kepada perniagaan Pembinaan yang menguntungkan?

Syarikat	Perkara/ Isu Untuk Diajukan
	b) Segmen Pembuatan mencatatkan rosot nilai tambahan sebanyak RM4.79 juta ke atas hartanah, loji dan peralatannya, selepas rosot nilai sebanyak RM6.25 juta dibuat pada tahun lalu (Halaman 151 & 153, Nota 27(a) – Pelaporan Segmen, Laporan Tahunan 2025). Apakah faktor yang menyebabkan nilai boleh dipulihkan lebih rendah berbanding dengan nilai dibawa untuk hartanah loji dan peralatan dalam semakan rosot nilai terkini?
Padini Holdings Berhad (AGM)	16 buah kedai ditutup sementara sepanjang tahun bagi tujuan pengubahsuaian dan pemindahan untuk memperbaiki susun atur serta meningkatkan pengalaman pelanggan. Kesemua 16 kedai itu juga telah dibuka semula dalam tahun yang sama. Pada akhir tahun kewangan, tiga lagi kedai sedang ditutup sementara untuk pengubahsuaian dan dijangka akan dibuka semula pada suku pertama tahun kewangan 2026. a) Bolehkah Kumpulan berikan butiran mengenai kawasan pemindahan untuk 16 kedai tersebut? Bagaimanakah lokasi baharu ini dijangka meningkatkan prestasi kedai? b) Bagaimanakah prestasi jualan sebelum dan selepas pengubahsuaian atau pemindahan untuk kesemua kedai itu? c) Memandangkan tiga buah kedai dijadualkan akan dibuka semula pada suku pertama 2026, apakah kesan yang dijangka terhadap jualan di sepanjang tempoh penutupan? Bagaimanakah Kumpulan menangani sebarang kelewatan dalam pembukaan semula?
YGL Convergence Berhad (AGM)	Segmen perisian mencatatkan margin keuntungan bersih yang lebih tinggi pada tahun kewangan 2025. (Halaman 17, Laporan Tahunan 2025) a) Apakah pemacu utama yang menyokong peningkatan margin ini? b) Sejauh manakah margin ini dapat dikekalkan pada masa hadapan? c) Berapakah bahagian (dalam peratus) pendapatan perisian yang kini diperoleh daripada model yang berasaskan langganan atau pendapatan berulang?
Iconic Worldwide Berhad (AGM)	Walaupun pendapatan untuk tahun kewangan 2025 lebih rendah, iaitu RM47.4 juta (tempoh kewangan 15 bulan berakhir 2024: RM50.33 juta), IWB mencatatkan keuntungan bersih sebanyak RM3.15 juta berbanding dengan kerugian bersih sebanyak

Syarikat	Perkara/ Isu Untuk Diajukan
	RM117.11 juta pada tempoh kewangan berakhir 2024, didorong oleh sumbangan daripada bahagian Pembangunan Hartanah. a) Iconic Harmony di Alma, Bukit Mertajam merupakan satu-satunya projek pembangunan aktif IWB, disasarkan akan siap pada tahun 2027. Apakah projek pembangunan lain yang sedang dirancang atau dalam perancangan bagi memastikan kesinambungan pendapatan selepas siapnya projek Iconic Harmony? b) Iconic Harmony mencapai nilai pembangunan kasar (<i>gross development value</i>, GDV) sebanyak RM255 juta. Apakah kadar pengambilan (<i>take-up rate</i>) dan jualan yang belum dibilkan untuk projek ini? Berdasarkan angka jualan yang belum dibilkan, apakah garis masa yang dijangka untuk mengiktiraf pendapatan? c) Pada tahun 2023, IWB memperoleh Goldenluck Development Sdn Bhd dengan harga RM39.8 juta secara tunai melalui urus niaga pihak berkaitan yang melibatkan Pengerusi Eksekutif IWB, Dato' Seri Tan Kean Tet dan Pengarah Eksekutif, Tan Seok Ying. Goldenluck memiliki tanah seluas 6.07 hektar di Paya Terubong, Pulau Pinang, yang dizonkan sebagai tanah "hutan". IWB sebelum ini menyatakan potensi pembangunan kediaman di tanah tersebut. Adakah Kumpulan telah mengemukakan permohonan untuk penukaran guna tanah? Bilakah kelulusan ini dijangka diterima? d) Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan (REHDA) baru-baru ini memberikan amaran bahawa peluasan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) mulai 1 Julai 2025 berkemungkinan akan meningkatkan kos pembangunan dan menekan margin untuk projek baharu. Bagaimanakah peluasan SST ini akan memberi kesan terhadap kos projek dan keuntungan IWB dalam tahun kewangan 2026? Komponen kos manakah yang paling terkesan (contohnya bahan, buruh, kontraktor, yuran profesional)? Sejauh manakah kos tambahan ini boleh disalurkan kepada pembeli tanpa menjejaskan permintaan pasaran?

Syarikat	Perkara/ Isu Untuk Diajukan
Komarkcorp Berhad (AGM)	<i>"Sehingga 30 Jun 2025, nilai dibawa untuk hartanah, loji dan peralatan serta aset hak guna Kumpulan masing-masing ialah RM67,268,565 dan RM7,398,842. Indikator rosot nilai telah dikenal pasti, terutamanya disebabkan oleh permintaan yang menurun untuk segmen pelitup muka serta penggunaan kemudahan pengeluaran yang rendah."</i> (Halaman 67, Laporan Tahunan 2025) Dalam simpanan Kumpulan terdapat inventori pelitup muka bernilai RM2,857,431. (Halaman 65, Laporan Tahunan 2025) a) Memandangkan kerugian dan rosot nilai aset masih berterusan serta paras inventori pelitup muka yang tinggi berbanding dengan pendapatan segmen ini, adakah Syarikat mempertimbangkan untuk melupuskan kapasiti yang kurang digunakan? Sila nyatakan rasional untuk jawapan anda. b) Bilakah tarikh luput inventori pelitup muka itu?
EG Industries Berhad (AGM)	Pada Jun 2025, kilang PG2 EG yang seluas 22,500 meter persegi memulakan operasi dan dijangka memasuki fasa pengeluaran secara besar-besaran pada separuh kedua 2025 untuk satu pelanggan utama yang beribu pejabat di Amerika Syarikat. (Halaman 8, Laporan Tahunan 2025) a) Apakah kapasiti pengeluaran untuk kemudahan PG2 dan apakah kadar penggunaan semasa? b) Berapakah keluasan ruang yang akan digunakan oleh pelanggan AS itu? c) Berapakah peratus daripada pendapatan keseluruhan Kumpulan yang dijangka disumbangkan oleh pelanggan AS ini?
Chin Well Holdings Berhad (AGM)	Kumpulan merekodkan kerugian sebelum cukai berjumlah RM3.8 juta untuk tahun kewangan 2025 walaupun pendapatan meningkat sebanyak 9.6%. a) Apakah strategi pemulihan yang sedang dilaksanakan bagi mengembalikan keuntungan dalam tahun kewangan 2026? b) Apakah langkah kawalan kos yang diambil bagi mengurangkan kos pengeluaran, inventori dan overhead? c) Adakah pihak pengurusan mempertimbangkan sumber pendapatan atau perkhidmatan alternatif yang bernilai tambah bagi mengurangkan hakisan terhadap margin?

Syarikat	Perkara/ Isu Untuk Diajukan
Media Prima Berhad (AGM)	Pada tahun kewangan 2025, Kumpulan mencatatkan pendapatan sebanyak RM857.0 juta dan keuntungan selepas cukai berjumlah RM20.7 juta, didorong oleh peningkatan sebanyak 21% dalam pendapatan bukan iklan, khususnya pertumbuhan 115% dalam jualan kandungan dan peningkatan 11% dalam segmen beli belah dari rumah (Home Shopping). (Halaman 23 & 24, Laporan Tahunan 2025) a) Pendapatan daripada jualan kandungan melonjak 115% kepada RM33.5 juta pada tahun kewangan 2025, terutamanya didorong oleh kejayaan tayangan filem dan peningkatan jualan pengedaran kandungan kepada media lain dan platform Over-the-Top (OTT). Adakah pertumbuhan jualan kandungan yang kukuh yang berjaya dicapai dalam tahun kewangan 2025 dapat dikekalkan pada masa hadapan? i. Daripada RM10.6 juta jualan kandungan di bawah Korporat & Lain-lain (<i>Corporate & Others</i>) (Halaman 144, Laporan Tahunan 2025), berapakah yang diperoleh daripada pengedaran filem berbanding dengan lesen OTT dan kandungan berulang? Bagaimanakah campuran ini dijangka berubah dalam tahun kewangan 2026? Apakah strategi pihak pengurusan untuk menstabilkan serta memperluas aliran pendapatan yang berulang bagi mengurangkan turun naik pendapatan daripada filem atau hasil daripada acara? ii. Memandangkan pemindahan Sri Pentas ke Balai Berita Bangsar menjana keuntungan daripada peningkatan kecekapan, bolehkah Kumpulan nyatakan nilai penjimatan kos tahunan berulang yang diperoleh daripada pemindahan ini? b) Segmen Home Shopping mencatatkan keuntungan selepas cukai berjumlah RM1.4 juta dalam tahun kewangan 2025 (tidak termasuk caj antara segmen), berbanding dengan kerugian selepas cukai sebanyak RM7.5 juta pada tahun sebelumnya. (Sumber: Halaman 23, Laporan Tahunan 2025). Sejauh manakah pemulihan prestasi ini mampu dikekalkan dan adakah ia dijangka berterusan dalam tahun kewangan 2026? i. Aplikasi WOWSHOP MY menerima sambutan awal yang menggalakkan melalui tawaran eksklusif dan promosi yang diperibadikan. Apakah kadar pengambilan dan pengekalan pengguna untuk aplikasi yang baru dilancarkan ini (seperti jumlah pengguna berdaftar, pengguna aktif atau peratusan pesanan melalui aplikasi)?

Syarikat	Perkara/ Isu Untuk Diajukan
	ii. Kerjasama Home Shopping dengan ATOME membolehkan pelanggan membuat pembayaran secara ansuran, mengurangkan halangan pembelian serta meluaskan asas pelanggan. Merujuk pada kerjasama dengan ATOME ini, berapakah jumlah jualan atau volum pesanan untuk tahun kewangan 2025 yang menggunakan pembayaran ansuran? Adakah kerjasama ini meningkatkan saiz bakul purata atau kadar pembelian berulang? iii. Bagaimanakah inisiatif seperti ekosistem aplikasi, pembayaran secara ansuran dan jenama <i>in-house</i> dijangka membantu mencapai keuntungan yang mampan dalam tahun kewangan 2026 dan seterusnya? Apakah sasaran KPI (contohnya nilai barangan kasar (<i>Gross Merchandise Value</i>, GMV) daripada aplikasi, kadar pembelian berulang atau margin sumbangan) yang dikaitkan dengan unjuran pihak pengurusan berhubung dengan keuntungan setahun penuh WOWSHOP?
Globetronics Technology Berhad (AGM)	Seperti yang dialami oleh sebahagian besar syarikat teknologi, industri semikonduktor global berdepan permintaan pengguna yang lemah, ketidaktentuan pasaran dan tekanan kos yang tinggi. Keadaan ini bertambah buruk berikutan turun naik pertukaran asing serta situasi geopolitik yang tidak menentu. (Halaman 21, Laporan Tahunan 2025) a) Bagaimanakah pihak pengurusan melihat prospek industri untuk tahun kewangan 2026 dan jangka sederhana, khususnya yang berkaitan dengan permintaan pengguna, tekanan kos, turun naik mata wang asing dan situasi geopolitik yang tidak menentu? b) Apakah kesan pengenaan tarif yang tinggi oleh Amerika Syarikat terhadap perniagaan Kumpulan?
MTAG Group Berhad (AGM)	Pendapatan dan keuntungan Kumpulan telah menurun secara konsisten sepanjang lima tahun kewangan lalu. Pendapatan merosot daripada RM193.6 juta pada tahun kewangan 2021 kepada RM73.4 juta pada tahun kewangan 2025, manakala keuntungan bersih merosot daripada RM33.6 juta kepada RM12.3 juta dalam tempoh yang sama. a) Apakah punca utama yang dikenal pasti oleh pihak pengurusan untuk penurunan yang berterusan ini? Apakah langkah pemulihan yang sedang dilaksanakan?

Syarikat	Perkara/ Isu Untuk Diajukan
	b) Apakah pelan hala tuju Kumpulan untuk memulihkan kembali pertumbuhan pendapatan dan meningkatkan keuntungan dalam tempoh 3 hingga 5 tahun akan datang?
Yong Tai Berhad (AGM)	Pada Jun 2025, YTB memperoleh Sumberjaya Builders Sdn Bhd dengan harga RM15 juta secara tunai untuk membangunkan dua projek pembangunan hartanah bercampur di Lahad Datu dan Tawau, Sabah, dengan nilai pembangunan kasar (GDV) berjumlah RM176.7 juta dan jangkaan keuntungan pembangunan sebanyak RM40.6 juta. a) Siapakah demografi sasaran untuk dua projek ini? Sila jelaskan profil bakal pembeli serta demografi di kawasan sekitarnya. b) Bilakah kedua-dua projek ini dijangka akan dilancarkan? Sila jelaskan garis masa pengiktirafan pendapatan yang dijangka untuk kedua-dua projek. c) Bagaimanakah Kumpulan akan membiayai pembangunan kedua-dua projek ini (dengan anggaran kos pembangunan sebanyak RM136.1 juta) memandangkan Kumpulan sedang berdepan aliran tunai operasi yang negatif, paras tunai rendah dan mudah tunai yang terhad? Apakah langkah yang diambil untuk meningkatkan mudah tunai serta memastikan penjanaan tunai yang mampan?



*Applicable for early bird & group registrations only

Reading Between the Lines
Making Sense of Financial Statements
for Non-Accountants

 **9 DECEMBER 2025**
TUESDAY

 **9.00 AM - 5.00 PM**

 **AICB CENTRE OF EXCELLENCE,
KUALA LUMPUR**



Scan the
QR Code
to register



@MSWGMalaysia



mswg.org.my

PENDEDAHAN KEPENTINGAN

Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam buletin ini.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Buletin ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam buletin ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam buletin ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam buletin ini. Tiada maklumat di dalam buletin ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian buletin ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam buletin ini atau jika ia diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan buletin ini.